

UNIFI ECOMMERCE HUB, UNIFI CLOUD STORAGE

Bantu PMKS kekal produktif

Peningkatan jumlah pengguna digital sejak belakunya COVID-19 membuatkan usahawan perlu meningkatkan kemahiran digital demi kelangsungan perniagaan mereka.

Bagaimanapun, pemilihan penyelesaian digital yang komprehensif perlu dilakukan sebaiknya bagi memastikan perniagaan yang dijalankan bukan sahaja terus berkembang, malah dapat memenuhi permintaan pengguna dan memberikan pengalaman yang terbaik.

Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tidak perlu risau untuk mentransformasi perniagaan sedia ada dengan memanfaatkan teknologi digital terkini.

Tampil dengan penyelesaian perniagaan lengkap, unifi Business komited untuk terus memacu transformasi PMKS dengan menawarkan Hub e-dagang unifi (unifi eCommerce Hub) dan Penstoran awan unifi (unifi Cloud Storage), membolehkan mereka menjadi lebih inovatif dan berdaya saing.

Penyelesaian perniagaan unifi yang lengkap ini selari dengan visi unifi Business bagi mempercepat adaptasi digital PMKS sekali gus menjadi rakan digital pilihan PMKS, menyokong perniagaan sektor itu serta pemulihan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

unifi eCommerce Hub - Urus perniagaan e-dagang di hujung jari anda

Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia, pendapatan e-dagang Malaysia meningkat kepada RM290 bilion, melonjak sebanyak 18.5 peratus tahun ke tahun pada suku keempat 2021 dan prestasi memberangsangkan itu disumbangkan oleh adaptasi norma baharu semasa COVID-19 yang telah meningkatkan penggunaan digital di Malaysia.

Justeru, untuk kekal berdaya saing dalam dunia digital hari ini, perniagaan perlu menawarkan produk dan perkhidmatan mereka secara dalam talian (online) dan pemilik perniagaan perlu menyempatkan antara pengurus jualan dan penganalisis, inventori produk dan pertanyaan masuk pada pelbagai platform e-



Konsultan unifi Business memberi penerangan tentang produk dan promosi terkini kepada pelanggan.



dagang.

Dengan unifi eCommerce Hub, perniagaan yang mempunyai pelbagai saluran jualan boleh diurus dengan lebih baik dalam satu hub untuk memaksimumkan peluang pertumbuhan perniagaan.

Menarik aplikasi mudah ini, usahawan boleh menyebarkan perniagaan luar dan dalam talian mereka, mengurus inventori dan pesanan produk, memantau jualan dan hasil, serta mengurus pertanyaan yang diterima menerusi media sosial. Mereka juga boleh membina laman web yang interaktif dengan ciri pembayaran secara online yang sudah tersedia.

Dengan hanya serendah RM34.96, usahawan boleh menikmati semua ciri ciri tersedia dalam aplikasi hub e-dagang ini.

Tingkatkan produktiviti perniagaan anda dengan unifi Cloud Storage

Storan awan membolehkan data disimpan pada pelayan jauh dan boleh diselenggara, diurus, membuat salinan pendua serta diakses dari jauh.

Selain itu, data yang disimpan dalam awan boleh diakses oleh sebarang peranti pada bila-bila masa.

Walaupun boleh diakses secara mudah di mana saja, data yang disimpan melalui

storan awan adalah sangat selamat dan terjamin.

Menguruskan storan secara konvensional seperti fail dan pemacu keras bukan sahaja menyusahkan malah boleh menimbulkan pelbagai kesulitan.

Namun dengan unifi Cloud Storage, PMKS boleh mempunyai storan data yang fleksibel, selamat dan boleh diubah suai dengan kebenaran mengakses oleh pelbagai pengguna dan penyulitan selamat untuk produktiviti perniagaan yang lebih baik.

Disejajir di Malaysia, unifi Cloud Storage ini menyediakan fasiliti selamat untuk fail dan maklumat penting supaya perni-

agaan boleh fokus kepada meningkatkan keuntungan.

Pemilik perniagaan diberikan fleksibiliti untuk mengurus dan mengawal kuota storan setiap pengguna serta boleh menambah saiz storan melebihi 1TB pada bila-bila masa. Semua ini boleh dilanggan dengan harga permulaan serendah RM4.50 sebulan.

Bagaimana unifi Business boleh membantu PMKS meningkatkan wproduktiviti dan jualan

Dalam persekitaran ekonomi yang sentiasa berubah dalam dunia pasca-COVID, perniagaan perlu kekal mampan dan relevan.

PMKS memerlukan bantuan dan bantuan berstruktur dalam menangani semua aspek utama untuk merealisasikan sasaran perniagaan mereka.

Menyadari perkara, unifi Business menyediakan alat dan penyelesaian perniagaan buat PMKS untuk meningkatkan perniagaan mereka dengan cara yang berbeza sambil memperkukuhkan jenama serta produk atau perkhidmatan mereka, untuk memberikan pengalaman pelanggan yang lebih baik.

Ia juga menyediakan tawaran perniagaan eksklusif yang boleh disesuaikan untuk para usahawan men-

capai pertumbuhan dan prestasi yang lebih baik.

Ketua Segmen SME unifi, Mohamad Yusman Ameran berkata, PMKS merupakan tulang belakang ekonomi Malaysia dan bagi memastikan mereka terus mampan dalam keadaan yang boleh disifatkan sebagai mencabar pasca pandemik, mereka perlu beralih ke digital.

"unifi Business sentiasa bersedia untuk membantu mereka bangkit dengan lebih kukuh serta mencapai pertumbuhan perniagaan melalui penyelesaian digital kami yang inovatif."

"Mengukuti binaan PMKS memerlukan penyelesaian menyeluruh bagi membantu mereka dalam penggunaan teknologi digital dengan lebih berkesan, unifi Business memperkukuhkan konsultan perniagaan yang ditauliahkan dengan International Certification for Digital Literacy (ICDL) di seluruh negara" katanya.

Beliau berkata, konsultan unifi Business yang bertauliah ini bersedia untuk memberikan komitmen dan sokongan penuh kepada para PMKS bagi membantu proses adaptasi PMKS kepada komuniti digital.

"Kami berharap mereka melihat unifi Business bukan sahaja sebagai penyedia perkhidmatan, tetapi sebagai rakan digital bagi PMKS dalam meningkatkan pertumbuhan perniagaan mereka," tambahnya.

Sementara itu, PMKS boleh menikmati pengimutan sehingga 50 peratus atau mendapat geran pelan berjumlah RM5,000, sebagai sebahagian daripada inisiatif Pelan Juna Semula Ekonomi Negara (Penjana) yang diumumkan kerajaan pada 2021.

Untuk maklumat lanjut mengenai penawaran produk unifi Business, sila layari www.unifi.com.my/smeagent atau kunjungi TMpoint berhampiran. Jom unifi Business!

